



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

ZIARAH KASIH PTPTN BANTU PELAJAR CEMERLANG, TERUSKAN IMPIAN MENERUSI SIMPAN SSPN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus memperkukuh komitmennya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) menerusi pelbagai inisiatif kebajikan yang memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya golongan pelajar. Program Ziarah Kasih PTPTN merupakan salah satu inisiatif yang diadakan bertujuan untuk menyantuni golongan asnaf serta mempererat hubungan dengan komuniti melalui pendekatan penuh keprihatinan.
2. Melalui Program Ziarah Kasih, PTPTN telah menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2025 yang memperolehi keputusan 8A iaitu saudari Nur Surfina Arissa Shukri binti Abdullah bertempat di kediaman beliau di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang. Penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir, YBrs. Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN serta YBrs. Encik Muhammad Muhsin Abdul Rahman, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang.
3. Saudari Nur Surfina Arissa Shukri binti Abdullah merupakan anak tunggal dalam keluarga yang baru sahaja kehilangan ibu tersayang, Allahyarhamah Suriati binti Dollah pada tanggal 16 Mac 2026 iaitu tiga (3) hari sebelum umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri akibat penyakit kanser.
4. Pengerusi PTPTN, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata "PTPTN pada hari ini terpenggil untuk menyalurkan sumbangan CSR berjumlah RM1,000 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. Sumbangan yang diberikan ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan pelajar untuk persediaan awal melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)."

5. “Ujian kehilangan ibu pastinya memberi kesan yang amat mendalam dan menjadi cabaran besar buat beliau dalam meneruskan kehidupan dan mengejar cita-cita tanpa kehadiran insan tersayang di sisi. Justeru, PTPTN berharap sumbangan ini dapat menjadi pemangkin semangat beliau untuk terus melangkah ke hadapan demi masa depan yang lebih cemerlang.” tambah beliau lagi.

6. Simpan SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan untuk manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful percuma ke atas pendeposit, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, simpanan dijamin Kerajaan dan patuh syariah.

7. Sempena Belanjawan 2025, kerajaan telah bersetuju kriteria pemberian Geran Sepadan ke atas simpanan dalam akaun Simpan SSPN Prime bagi pelajar yang melanjutkan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) diperluaskan kepada keluarga berpendapatan melebihi RM4,000 sehingga RM6,000 bagi tempoh dua (2) tahun di bawah Inisiatif Geran Padanan Ihsan (GAPAI). Pendeposit yang layak kini boleh memohon geran sepadan sehingga RM5,000 untuk satu keluarga.

8. Selain itu, Simpan SSPN Plus juga menawarkan enam (6) pakej serendah RM30 sebulan (Pakej Intan) hingga RM500 sebulan (Pakej Berlian) dengan manfaat perlindungan takaful ke atas pendeposit sehingga RM1.2 juta, manfaat khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak serta perlindungan takaful sehingga umur pendeposit 69 tahun tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

9. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan terus komited dalam meningkatkan pelaksanaan program-program CSR terutamanya dalam aspek pendidikan demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda dan *tagline* PTPTN Prihatin : Kami Kongsi, Kami Bantu.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
15 April 2026

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)